

DARI MEJA PENERUS NUTP KEDAH



Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli NUTP Kedah dan keluarga NUTP seluruh Malaysia kerana bersama-sama membantu dalam membentuk konsep “Karamah Insaniah” dalam diri kita semua. Sejajar dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi penekanan dari aspek Karamah Insaniah melalui pembentukan adab, ahklak dan intergriti.

Alhamdulillah, pertama dan selama-lamanya kita bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan rahmatnya kita di beri peluang untuk bersama-sama dalam dunia kesatuan ini. Mesyuarat Agung Tritahun ke-23 NUTP Cawangan Negeri Kedah telah selesai pada 19 Mei 2023 di SMK Agama Baling. Mesyuarat dan pemilihan kali ini berjalan dengan lancar dan harmoni. Tahniah saya ucapkan kepada barisan kepimpinan baru NUTP Kedah sesi 2023-2026. Alhamdulillah dan terima kasih kepada semua ahli NUTP Kedah yang memberi kepercayaan kepada saya untuk memikul tanggungjawab sebagai Pengerusi NUTP Kedah sesi 2023-2026 ini. Mandat dan tanggungjawab ini, kita akan pikul bersama 16 jawatankuasa bagi menjadikan NUTP Kedah satu kesatuan yang sentiasa bersedia membantu ahli dalam sebarang kemungkinan. “We Lead We Care” slogan yang sentiasa mendokong kita di NUTP kedah.

Saudara dan saudari,

Barisan kepimpinan NUTP Kedah ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua guru yang berada di Malaysia pada amnya dan kepada semua ahli NUTP secara khasnya. YB Fadzlina binti Sidik, dalam ucapan beliau sempena sambutan Hari Guru 2023 peringkat kebangsaan di Melaka telah menyatakan “Guru- guru yang insani ini mempunyai Nyala rasa yang kuat untuk mendidik anak-anak bangsa”. Semangat yang membara perlu ada pada semua guru inspirasi bertepatan dengan tema hari guru tahun ini, “Guru insani pemangkin generasi Madani”. Kita sebagai ahli kesatuan sentiasa mempunyai nyala rasa dalam diri bagi meningkatkan mutu peningkatan kita dalam bidang Pendidikan. Semangat kita sentiasa berkobar-kobar akan tetapi seringkali diganggu oleh kerja-kerja yang tidak relevan yang akan memadamkan nyala rasa atau semangat dan kejituan kita. Oleh itu, kita akan memastikan suara guru-guru akan terbela dan tidak diganggu dalam kerja-kerja yang akan mematikan semangat ahli-ahli kita.

Terkini kita digemparkan dengan isu pelajar menyaman guru-guru. NUTP memandang serius isu ini dan akan memastikan trend ini tidak akan berlarutan. Moral guru-guru perlu dijaga serta di sanjung tinggi. Kita tidak mahu guru-guru tidak dihormati dan dihina sebegini. Pihak NUTP akan memberi perhatian dan pembelaan kepada ahli yang terlibat dalam kes ini. Oleh itu, saya merayu dan menyarankan semua guru-guru untuk bersama kami sebagai ahli NUTP. Warga pendidik yang belum menjadi ahli, sertailah kami untuk bersama-sama memperjuangkan dan membela nasib guru dulu, kini dan selama-lamanya. NUTP saja talian hayat yang kita ada jika menghadapi sebarang permasalahan.

Saudara dan saudari,

Konsep Malaysia Madani yang telah diasakan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam menjadikan Malaysia ini satu negara yang hebat serta karamah insaniah. Konsep ini sememangnya telah ada dalam NUTP Kedah sejak dari gabungan pada tahun 1974. Hampir 50 tahun kita membina konsep Madani di dalam kesatuan ini untuk memastikan semua ahli kita terbela tanpa mengira bangsa. Konsep saling melengkapi dan memahami menjadikan kita sentiasa di geruni. Ahli kita seramai 20,000 dari 35,000 guru di negeri Kedah yang mempunyai pelbagai kaum telah mejadikan kita satu kesatuan Madani contoh. Oleh itu, kita akan teruskan segala amanah yang telah diwarisi oleh pemimpin terdahulu kepada generasi akan datang.

Dalam ucapan Perdana Menteri sempena Hari Pekerja 2023, beliau telah menyatakan bahawa jika kerajaan mempunyai penigkatan pendapatan pada masa hadapan, keutaman dalam meningkatkan gaji akan beri kepada guru-guru dan sektor awam. Beliau sentiasa akan mendengar suara dari pekerja. Pihak kesatuan boleh menyampaikan segala pandangan serta saranan tanpa halangan dari mana-mana pihak. NUTP sebagai kesatuan guru yang terbesar, akan sentiasa memastikan kejayaan dalam peningkatan mutu jentera Perkhidmatan Awam. Kita akan laksanakan amanah yang diberikan, selepas itu kita akan pastikan pihak kerajaan menunaikan janji yang telah dibuat.

NUTP Kedah mempunyai pelbagai perancangan yang hebat dalam menjadikan kita sebagai kesatuan yang relevan dalam golongan Muda. Pelbagai program dan Seminar Pendidikan yang dianjurkan bagi mendekati golongan muda ini. Kesedaran serta kempen untuk menggalakan ahli baru dari guru-guru muda akan dijalankan bagi memastikan mereka mendapat perlindungan yang sewajarnya. Kita sedang bergerak ke seluruh Pejabat Pendidikan Daerah bagi memberi penerangan jelas kepada semua Pegawai Pendidikan Daerah di negeri Kedah. Kita juga mengadakan perjumpaan kepada semua wakil-wakil sekolah dalam memberi input terkini berkenaan isu-isu yang dihadapi oleh guru. Kempen penambah nilai kepada Kad Keahlian sentiasa berterusan bagi memastikan semua ahli mendapat manfaatnya.


Guru-guru ahli NUTP Kedah,

Kita juga adalah guru, kita juga adalah penjawat awam, kita juga adalah ahli masyarakat setempat dan kita juga adalah waris kepada anak-anak yang sedang belajar di sekolah. Jadi kita ambil cakna dengan persekitaran kehidupan dan dunia Pendidikan masa kini. Marilah kita sama-sama menjaga profesion kita yang murni ini agar sentiasa di hormati.

Sekian, terima kasih.

'Bersatu Kita Berjaya'

Yang Ikhlas,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'J' followed by 'A', 'A', 'F', 'A', 'R', 'B', 'I', 'N', 'A', 'B', 'D', 'U', 'L', 'L', 'A', 'H'. The signature is written above a horizontal dotted line.

(JAAFAR BIN ABDULLAH.)

Pengerusi NUTP Cawangan Kedah.